

16/10/2003

Perdagangan jadikan anggota OIC kuasa ekonomi dinamik

Kadir Dikoh

DALAM banyak pertemuan pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selama ini, mereka bagaikan kurang memberi perhatian kepada isu ekonomi sejagat mahupun perdagangan antara negara Islam itu sendiri. Bukankah itu sesuatu yang amat penting apatah lagi pada saat dunia berdepan dengan cabaran globalisasi?

Sebaliknya, isu tradisi seperti kemelut Palestin yang sudah berlarutan setengah abad, masalah Iraq dan terbaru serangan Israel ke atas Syria bagaikan begitu sinonim dan menenggelam isu ilmiah. Resolusi demi resolusi diluluskan dan sesetengahnya memang berbentuk retorik semata-mata. Yang lebih menyedihkan, seruan itu bagaikan tidak diendahkan oleh kuasa besar.

Jangan kata OIC yang cuma dianggotai 57 negara yang hampir semuanya negara membangun, malah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai badan terbesar dunia, boleh diperkotak-katikan oleh kuasa besar.

Alangkah baik di samping pemimpin OIC tidak mengetepikan permasalahan yang melanda ummah, diselitkan juga agenda ekonomi untuk sama-sama diberi perhatian sewajarnya supaya kekayaan sumber negara anggota, dapat dimanfaatkan bersama.

Ini bukan bermakna agenda ekonomi langsung diketepikan. Contohnya, pada Sidang Kemuncak OIC di Iran pada 1997, permuafakatan dicapai supaya perdagangan antara negara anggota dipertingkatkan, tetapi hasilnya kurang memberangsangkan.

Kekuatan ekonomi saja akan dapat `menewaskan' dunia Barat yang angkuh dan cadangan yang pernah dikemukakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seketika dulu supaya negara Islam menggunakan minyak sebagai senjata, perlu direnung bersama.

Mungkin ada baiknya OIC mula memberi perhatian serius kepada isu pendidikan, sains dan teknologi serta perdagangan. Tema Sidang Kemuncak OIC kali ini, `Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah' ada kaitan dengan maksud itu. Tanpa ilmu dan akhlak mulia, umat Islam tidak akan ke mana. Negara anggota perlukan lebih banyak pakar ekonomi, perbankan dan perdagangan.

Sekarang ini apabila Malaysia menjadi tuan rumah yang akan menerajui OIC bagi tempoh tiga tahun akan datang, barulah diadakan Ekspo OIC. Acara sampingan yang pertama dan terbesar seumpamanya itu disertai lebih 600 syarikat dari negara anggota.

Ekspo ini akan menjadi landasan terbaik bagi peniaga negara Islam untuk memperkenalkan produk masing-masing, mengintai peluang pelaburan, mengenali di antara satu sama lain dan akhirnya membentuk ikatan perniagaan yang boleh dimulakan dengan perjanjian persefahaman (MoU).

Perdana Menteri ketika merasmikan ekspo itu kelmarin berharap ia dapat memperluaskan perniagaan dan kerjasama ekonomi sesama negara Islam.

Beliau berkata, ekspo itu boleh menjadi landasan untuk mengukur apa yang sudah dilakukan dan boleh dilakukan oleh negara Islam. Inisiatif Malaysia mengadakan Seminar Perdagangan OIC 2003 sempena OIC kali ini juga dilihat sebagai langkah permulaan ke arah membina kerjasama perdagangan yang lebih bermakna di kalangan negara anggota.

Jumlah dagangan di antara negara Islam kini masih rendah dan perlu dipertingkatkan demi kepentingan ummah. Misalnya, antara 2000 hingga 2001, jumlah dagangan keseluruhan di antara negara anggota OIC cuma AS\$918.2 bilion (RM3,49 trilion) sedangkan nilai dagangan dunia mencecah AS\$12.6 trilion (RM39.8 trilion). Jelas sekali dagangan antara negara Islam adalah

kecil iaitu sekitar 6.4 peratus.

Sebenarnya, semua 57 negara anggota OIC dengan jumlah penduduk 1.3 bilion boleh menjadi kuasa ekonomi yang dinamik pada alaf baru ini kerana banyak peluang perniagaan dan kekayaan sumber.

Begitu pun, laporan terbaru mengenai aliran perdagangan di kalangan anggota OIC, menyebut jumlah perdagangan meningkat daripada 10.95 peratus pada 1999 kepada 12.21 peratus pada 2001.

Laporan itu yang diterbitkan Pusat Pembangunan Perdagangan Islam (ICDT), agensi OIC yang bertanggungjawab menggalakkan perdagangan di kalangan anggota pertubuhan itu menyatakan nilai perdagangan pada 2001 adalah AS\$113.3 bilion (RM430.54 bilion) berbanding AS\$81.8 bilion (RM310.84 bilion) pada 1999.

Laporan tahunan itu yang dikeluarkan sempena Sidang kemuncak OIC di Putrajaya, kelmarin juga mahukan Pelan Tindakan OIC dipercepatkan pelaksanaannya bagi meningkatkan perdagangan di antara negara anggota.

Laporan Tahunan Perdagangan Antara Negara Islam 2002-2003 menyatakan adalah penting langkah pemudahan perdagangan dan pelaburan dilaksanakan bagi meningkatkan perdagangan di kalangan 57 negara anggota badan itu.

Langkah pemudahan perdagangan itu termasuk penyeragaman dan kelonggaran prosedur perdagangan antarabangsa. Ia menyatakan langkah itu berkaitan dengan kegiatan import dan eksport, pengangkutan serta urusan pembayaran dan kewangan.

Isu pemudahan perdagangan antara agenda yang dibincangkan pada beberapa persidangan antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Pelan Tindakan OIC disediakan oleh Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Komersial OIC (COMCEC) yang bermesyuarat di Istanbul pada 2001.

Menurut laporan itu lagi, dokumentasi yang remeh dan tidak diperlukan merugikan peniaga apabila urusan terkandas di sempadan.

Pelan itu disifatkan sebagai teras untuk memajukan ekonomi dunia Islam. Namun, untuk memajukan lagi perdagangan negara Islam, soal politik dan perbezaan pendekatan menangani masalah ekonomi negara tidak harus dijadikan halangan dalam mempromosikan rangkaian ekonomi antara negara Islam.

Persoalannya, ke mana kebanyakan barang eksport negara Islam? Hakikatnya, kebanyakan negara anggota OIC sendiri kelihatan lebih selesa untuk kekal berdagang atau mengeksport barangan kepada pasaran tradisi seperti Amerika Syarikat, Jepun dan China.

Memang bukan mudah untuk menembusi pasaran di dunia Arab. Antara halangannya ialah kesukaran mendapat maklumat, bahasa, budaya dan penting sekali belum wujud hubungan di antara rakyat dalam erti kata sebenar bagi mempermudah interaksi perdagangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif OIC Network, Dr Ishkandar Bahrain, berkata banyak perbincangan mengenai agenda politik menguasai sidang OIC sehingga mengabaikan soal ekonomi dan fokus harus diberi kepada isu perdagangan supaya ia dapat dibangunkan.

"Dalam perdagangan pula ada halangan tertentu seperti jurang maklumat sehingga negara tidak tahu apa negara lain buat. Berdasarkan pengalaman saya di Asia Barat, orang di sana kini mencari penyelesaian berasas Islam kepada banyak perkara mengenai ekonomi terutama selepas tragedi 11 September. Mereka tidak tahu apa yang kita buat di Malaysia," katanya.

Pengurus Eksport Saudi Arabia Amianitt Co, Shehzad Akram, pula berkata hubungan antara rakyat negara anggota OIC amat perlu jika mahu mempertingkatkan dagangan tetapi masalahnya maklumat mengenai peluang perniagaan serta tidak mengetahui dasar sesebuah negara bagaikan menjadi halangan utama.

"Bayangkan ini adalah kali pertama saya ke Kuala Lumpur dan diberitahu

oleh seorang pemandu teksi bahawa Malaysia mempunyai Wawasan 2020 yang tidak diketahui oleh banyak negara lain. Ekonomi Malaysia memang diketahui sebagai amat mantap. Alangkah baik jika penyaluran maklumat lebih tersebar," katanya.

Berdasarkan hakikat ini, Ekspo OIC 2003 yang dirasmikan Perdana Menteri semalam boleh dijadikan landasan pertama untuk pemimpin dan ahli perniagaan negara anggota membuat tinjauan, penilaian dan kenal mengenali di antara satu sama lain.

Pengarah Eksekutif F&R Exhibition And Conference Sdn Bhd, Datuk Roslee Jamaat, berkata ekspo itu bukan saja bertujuan mengembangkan pasaran lebih 600 syarikat yang mengambil bahagian, malah memberi peluang kepada ahli perniagaan negara ini mengenal pasti peluang perniagaan di luar negara.

"Masyarakat perniagaan tempatan perlu merebut peluang ini kerana kebanyakan pasaran negara Islam belum lagi diterokai," katanya.

Hakikatnya, Malaysia antara sebilangan kecil negara OIC yang menggerakkan kerjasama ekonomi di kalangan negara anggotanya kerana menyedari pentingnya perdagangan bagi menyuburkan sektor perekonomian. Ii termasuk sumbangan ekuitinya berjumlah AS\$215.79 juta (RM820 juta) dalam Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk membantu meningkatkan pembangunan infrastruktur negara anggota OIC.

Timbalan Pengarah Jabatan Perdagangan Kewangan dan Promosi IDB, Nik Najib Hussain, pula berkata bank itu memainkan peranan proaktif terutama dalam pembiayaan dan kini lebih fokus kepada sektor swasta di kalangan negara anggota OIC.

Beliau berkata, kurangnya keupayaan perdagangan di kalangan negara anggota OIC meskipun sesetengahnya kaya dengan sumber minyak dan gas, masih menjadi halangan.

Mungkin OIC di bawah kepemimpinan Malaysia bagi tempoh tiga tahun akan datang dapat mengubah senario badan ummah itu daripada perbincangan berorientasikan politik dan retorik semata-mata kepada isu perdagangan yang berorientasikan tindakan.

Beberapa wakil Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya melahirkan harapan supaya Dr Mahathir dapat melakukan sesuatu ke arah itu dan menjangka ucapannya nanti mengandungi idea yang mampu membantu membangunkan ekonomi negara anggota.

Delegasi dari Libya, Mohamed N, berkata beberapa idea Dr Mahathir sebelum ini seperti mewujudkan usaha perdagangan di kalangan negara Islam dan penggunaan dinar emas adalah baik kerana ia mampu mendatangkan manfaat kepada dunia Islam keseluruhannya.

"Masalah yang berlaku di kalangan negara Islam kini ialah mereka tidak mempunyai strategi pentadbiran yang baik. Oleh itu, mereka tidak mampu berdiri di atas kaki sendiri walaupun mempunyai kekayaan sumber ekonomi seperti minyak," katanya.